

## **BAB III**

### **PERANAN DAN SUMBANGAN DALAM FIQH**

#### **Pendahuluan**

Islam membawa petunjuk dan tamadun kepada manusia keseluruhannya. Al-Quran dan hadith menjadi sumber ilmu utama dan pertama dalam Islam dan daripada kedua-duanya telah muncul sebagai cabang ilmu. Ilmu-ilmu yang bersumberkan kedua-dua sumber utama itu menjadi kajian penting dalam pengajian Islam yang dikenali sebagai ilmu-ilmu warisan (*ai-turath*) .

Apabila kita imbas kembali kepada dunia berkembangnya penerokaan dan penulisan ilmu pengetahuan yang telah dilakukan oleh para ulama tradisional Asia Tenggara umumnya dan Alam Melayu khususnya, mereka bukan hanya berjaya disekitar ilmu-ilmu keislaman yang tertentu sahaja, tetapi apabila dikaji dengan teliti dan menyeluruh karya-karya yang telah mereka lakukan, adalah mencakupi dalam semua bidang ilmu keislaman, termasuk ilmu tauhid, fiqh, tasawuf dan sebagainya, malah ilmu-ilmu lain juga seperti ilmu hisab, falak, perubatan, kesusasteraan baik arab maupun melayu dan sebagainya.

Kegiatan awal ilmiah di rantau ini terbatas kepada pembelajaran kitab-kitab Arab atau penterjemahannya kepada bahasa Melayu sebelum munculnya karya-karya asli dalam bidang-bidang tertentu. Karya-karya awal yang diterjemahkan lebih tertumpu di

Sumatera, Patani, Riau-Lingga dan Borneo Barat. Sebelum berkembang secara lebih luas, pemerintahan pembelajaran pada peringkat awal lebih tertumpu kepada bidang-bidang akidah, fekah dan tasawuf. Bidang-bidang ilmu ini kemudian berkenabang secara meluas dalam kurun-kurun mutakhir sesuai dengan tahap perkembangan pemikiran manusia dan persediaan Alam Melayu untuk mengembangkan ilmu-ilmu tamadun Islam yang mencakupi hal-hal keagamaan formal ataupun ilmu-ilmu mengenai urusan harian yang berkaitan dengan kemaslahatan umat.

### **Karya-karya Awal Ilmu Fiqh di Alam Melayu**

Karya-karya dan kitab-kitab fiqh yang dihasilkan oleh rangkaian ulama Melayu sangat banyak sama ada secara lengkap mengandungi keempat-empat bahagian utamanya iaitu ibadat, muamalat, munakahat dan jinayah atau sebahagian sahaja. Di samping itu ada pula kitab-kitab fiqh yang membincangkannya mengenai tajuk yang khusus seperti bersuci, sembahyang, fara'id, zakat, haji dan seumpamanya.

Dalam tahun 1644M, Nuruddin al-Raniri telah siap mengarang sebuah kitab fiqh bertajuk **al-Sirat al-Mustaqim** yang meliputi aspek-aspek ibadat dengan berpandukan kitab-kitab fiqh muktabar seperti **Minhaj al-Talibin** karya Imam al-Nawawi dan syarahan-syarahannya serta kitab-kitab rujukan yang lain seperti **mukhtasar al-Fatawa** karangan Ibnu Hajar al-Haithami, **Umdat al-Salik** karangan Syihabuddin Ahmad al-Naqib dan **al-Anwar li a'mal al-bararah** karangan al-Ardabili. Kitab ini tersebar di Alam Melayu pada tahun-tahun kemudiannya dan

diberitakan bahawa Sultan Aceh pernah mengirimkan kitab ini ke Kedah pada pertengahan abad ke-17M. Kitab ini dianggap sebagai kitab fiqh pertama dalam bahasa Melayu yang pernah dihasilkan di rantau ini<sup>1</sup>.

Sebuah kitab fiqh komprehensif bertajuk **Mir'at al-Tullab fi sahl ma'rifat ahkam al-syar'iyyah** disusun oleh Abdul Rauf Sinkel pada pertengahan abad ke-17M berpandukan kepada teks **Fath al-Wahhab** karangan Imam al-Nawawi, **Tuhfah al-Muhtaj** dan **Fath al-Jawwab** karangan Ibnu Hajar. Kitab ini disusun atas titah perintah Sultanah Taj al-'Alam Safiyyah al-Din Syah binti Sultan Iskandar Muda, seorang raja perempuan Aceh yang memerintah pada tahun-tahun 1641-1675M. Kitab ini juga dianggap kitab fiqh yang lengkap perbincangannya. Syeikh Daud al-Fatani kemudiannya mentashihkan kitab ini dan dicetak oleh percetakan *Umm al-Qura'* Makkah<sup>2</sup>.

Muhammad Arsyad al-Banjari pula mengarang bahagian ibadat dalam kitab yang bertajuk **Sabil al-Muhtadin li Tafaqquh amr al-Din** pada tahun 1780M di atas titah Sultan Tahmidullah Ibnu Sultan Tamjidullah. Karya ini merupakan syaranan kepada **Sirat al-Mustaqim** yang ditulis oleh Syeikh Nuruddin al-Raniri. Justeru itu, karya al-Raniri itu sering dicetak di pinggir **Sabil al-Muhtadin**. Kitab ini adalah di

---

<sup>1</sup> Mat Rosi Ismail, **Mantik, Matematik Dan Budaya ilmu**. (Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 1994), hlm.228 ; lihat juga Azyumardi Azra, **Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII**. (Bandung, Mizan, 1994), hlm.180.

<sup>2</sup> Mat Rosi Ismail, **Mantik**, hlm. 229 ; lihat juga Azyumardi Azra, **Jaringan**, hlm.201.

antara kitab Melayu yang awal dicetak di Makkah dan di Mesir (1300H) dan kemudian di Istanbul.<sup>3</sup>

Dalam abad-abad selepas itu, Patani mengambil tempat sebagai penghasil karya agama paling banyak di rantau Alam Melayu ini berikutan dengan hubungan Patani dengan pengajian di Makkah serta tradisi keilmuan masyarakat Patani ketika itu. Sebagai contoh, di antara ulama-ulama Patani yang banyak menghasilkan karya ialah Syeikh Daud al-Fatani paling sedikit sebanyak 41 buah, Syeikh Ahmad al-Fatani 23 buah, Syeikh Muhammad Ismail 9 buah dan Syeikh Zainal Abidin 5 buah. Jumlah ini hanya yang diketahui setakat ini dan jumlah yang sebenar mungkin lebih banyak daripada itu.<sup>4</sup>

Syeikh Daud al-Fatani yang merupakan penulis paling produktif dan prolifik di antara ulama-ulama Patani khususnya, bahkan termasuk ulama-ulama Alam Melayu umumnya, menghasilkan beberapa karya fiqh. Yang terpenting di antaranya adalah **Bughyat at-Thullab** (tentang fiqh ibadat, dalam dua jilid dengan jumlah keseluruhan lebih 500 halaman), **Furu' al-Masa'il wa Ushul al-Masa'il** (tentang fiqh mu'amalat, dalam dua jilid dengan jumlah keseluruhan 600 halaman), **Nahj al-Raghibin fi Sabil al-Muttaqin** (tentang jual beli), **Ghayat al-Taqrrib** (tentang harta waris) dan lain-lain. Meskipun kitab-kitab ini menggunakan namanya dalam bahasa Arab, namun semua isi pembahasannya dalam bahasa Melayu. Ini menunjukkan bahawa Syeikh

<sup>3</sup>Hasan Madinarn, *The Pondok and Madrasah in Patani*. (Kuala Lumpur, Penerbit Universiti kebangsaan Malaysia, 1999), hlm.49 ; lihat juga Mat Rosi Ismail, *Mantik*, hlm .230.

<sup>4</sup> Azyumardi Azra, *Jaringan*, hlm. 258 . Lihat juga Abdul Razak Mahmud , "Hidayat al- Mut'a'allim wa 'umdat al-mu'allim", dalam *Pengasuh*, Bil. 502, thn. 1990, hlm.27-35.

Daud al-Fatani adalah seorang ulama Alam Melayu yang mempunyai kepedulian yang tinggi terhadap pemahaman dan amalan masyarakat Muslim di Alam Melayu<sup>5</sup>.

Walaupun ringkas, kitab **Matla' al-Badrain** tulisan Syeikh Nik Mat Kecik al-Fatani atau nama sebenarnya Syeikh Muhammad bin Ismail Daudy al-Fatani adalah contoh kitab fiqh yang lengkap. Kitab ini sangat terkenal di kalangan masyarakat Alam Melayu, khususnya di Tanah Melayu, Indonesia dan Thailand. Sebuah kamus khas mengenai kitab ini bertajuk **Suluh Matla' al-Badrain** (1941) ditulis oleh Haji Abdul Ghani Yahya untuk kemudahan para pelajar.<sup>6</sup>

Kitab fiqh lain yang berbentuk perundangan Islam yang ditulis oleh Syeikh Nik Mat Kecik ialah **al-Bahr al-Wafi wa al-Nahr al-Safi**. Kitab ini mengandungi permasalahan cabang yang banyak dalam fiqh mazhab al-Syafi'i yang dibincangkan secara terperinci. Kitab yang mempunyai 573 halaman ini pernah dicetak di Jeddah pada tahun 1930M.<sup>7</sup>

### **Peranan Dan Sumbangan Dalam Bidang Ilmu Fiqh Ibadat**

Ketokohan Syeikh Ahmad al-Patani dalam keseluruhan bidang ilmu-ilmu keislaman adalah tidak perlu diragukan lagi kerana beliau memang termasuk ulama Alam

<sup>5</sup> Azyumardi Azra, "Akar-akar Pembaharuan Islam di Nusantara : Jaringan Ulama Indonesia-Timur Tengah Abad Ke-17 dan Ke-18", dalam *ISLAMIKA*. (Bandung : Mizan, 1993), hlm. 52. Lihat juga Amran Kasimin, **Agama dan Perubahan Sosial**. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995), hlm. 182.

<sup>6</sup> Amran Kasimin, **Agama**, hlm. 182. Lihat juga Mat Rofi Ismail, **Mantik**, hlm. 235.

<sup>7</sup> Virginia Matheson and M.B. Hooker, "Jawi Literature in Patani : The Maintenance of an Islamic Tradition", **JMBRAS**, Vol.61, Part 1, 1988, hlm.32.

Melayu di Makkah pada peringkat antarabangsa pada zamannya. Hampir-hampir tidak terdapat ulama Alam Melayu yang belajar di Makkah di zaman itu yang tidak belajar dengan beliau. Oleh itu, apa sahaja kemosyikilan keislaman sebahagian besarnya ditanyakan kepada Syeikh Ahmad al-Patani di Makkah ataupun kepada ulama-ulama lain<sup>8</sup>.

Dari sekian banyak kitab jawi yang dimasukkan ke dalam kategori fiqh, kitab **al-Fatawa al-Fathaniyah** karya Syeikh Ahmad al-Patani adalah merupakan satu-satunya kitab yang mempunyai cara penyampaianya yang tersendiri. Kitab ini adalah merupakan jawapan Syeikh Ahmad al-Patani terhadap persoalan-persoalan keislaman yang datang dari hampir seluruh dunia Islam, terutama dari Alam Melayu sendiri<sup>9</sup>.

Karya ilmiah ini selesai ditulis pada 5 Syafar 1324H, bersamaan 30 Mac 1906M. Berdasarkan karya ini, penghayatan Syeikh Ahmad al-Patani dalam bidang fiqh begitu mendalam sehingga beliau mampu menjawab soalan-soalan yang telah diajukan dan memberi fatwa-fatwa yang menarik, terutama yang ada kaitan dengan isu-isu semasa agama Islam, serta dikuatkan pula dengan pelbagai hujah-hujah yang berautoriti dan wibawa.<sup>10</sup>

---

<sup>8</sup> Mohammad Redzuan Othman, "Masjid al-Haram dan Peranannya Dalam Perkembangan Awal Pendidikan dan Intelektualisme Masyarakat Melayu", dalam *Jurnal Usuluddin*, Bil.13, 2001, hlm.68-69.

<sup>9</sup> Virginia Matheson and M.B.Hooker, *Jawi Literature*, hlm.30.

<sup>10</sup> Wan Ismail Wan Ibrahim, "Penghayatan Ilmu Usuluddin, Fiqh dan Tasawuf Berdasarkan Tulisan-tulisan Syeikh Ahmad", (*Kertas kerja Seminar Pemikiran Syeikh Ahmad bin Muhd. Zain*, Kota Bharu,2002), hlm.20. Lihat juga Virginia Matheson and M.B. Hooker, "Jawi Literature", hlm.30.

Kitab **al-Fatawa al-Fathaniyah**, selain membahas masalah fiqh, ia juga membahas masalah akidah dan tasawuf. Dalam bidang fiqh, pembahasannya boleh dikatakan meliputi seluruh aspek, iaitu meliputi aspek ibadat, munakahat, jinayah, fara'id dan mu'amalat. Pembahasan dalam bidang fiqh ini semuanya berdasarkan Mazhab Syafi'e dengan menggunakan pelbagai pendekatan disiplin ilmu yang lain seperti usul fiqh, ilmu al-Quran, hadith, nahu, ilmu bahasa melayu, sosiologi, politik dan perubatan.<sup>11</sup>

Contoh penggunaan kaedah usul fiqh ialah ketika beliau membahas tentang apakah sah atau tidak sembahyang mayat ke atas orang yang meninggalkan sembahyang fardhu. Menurut beliau adalah sah sembahyang mayat tersebut, bahkan wajib atas tiap-tiap orang mukallaf sebagai fardhu kifayah, kerana beliau berpegang dengan kaedah usul fiqh "*Menolakkan segala mufsida itu didahulukan atas menarikkan segala manfaat*".<sup>12</sup>

Selain Fatawa al-Fathaniyah, pemikiran-pemikiran beliau tentang fiqh terdapat juga dalam kitab-kitab beliau yang lain seperti dalam kitab **Bahjat al-Mubtadin wa Farhat al-Mujtahidin**. Kitab ini, sebagaimana dinyatakan oleh Syeikh Ahmad al-Patani sendiri adalah sebuah kitab yang membincarakan ilmu usuluddin dan ilmu fiqh. Di dalam kitab ini, pembahasannya meliputi bab-bab thaharah, solat, zakat, puasa, haji dan umrah, sembelih dan makanan, mu'amalat, munakahat (nikah), fara'id, dosa-dosa

---

<sup>11</sup> Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani, **Al-Fatawal Fathaniyah**, Wan Mohd. Shaghir Abdullah (terj). (Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyah, 1996), him. XII.

<sup>12</sup> Ibid., him. 2.

besar dan hukumannya dan terakhir tentang qurban<sup>13</sup>.

Di dalam bab thaharah, pembahasannya menekankan tentang kepentingan air mutlak di dalam bersuci<sup>14</sup>, keperluan beristinja, fardhu wudhu<sup>15</sup>, perkara-perkara sunat ketika wudhu', perkara-perkara yang membatalkan wudhu<sup>16</sup>, dan perkara-perkara yang diharamkan bagi orang yang tiada wudhu', seperti solat, thawaf, menyentuh dan membaca al-Quran.

Masih dalam bab thaharah, pembahasannya diteruskan dengan sebab-sebab yang menyebabkan mandi wajib, iaitu bersetubuh, keluar mani, haidh, nifas, beranak dan mati. Adapun fardhunya pula ialah niat pada mula-mula basuh badan dan kedua meratakan seluruh badan dengan air. Manakala perkara sunat ketika mandi wajib adalah banyak dan setengah daripadanya wudhu' dahulu dan menggosak ke seluruh badan. Menurut Syeikh Ahmad al-Patani bahawa di dalam mandi wajib, sekiranya menggunakan air secara berlebihan hukumnya adalah makruh. Dan haram atas orang yang berjyunub antaranya membaca al-Quran dan tinggal di dalam masjid<sup>17</sup>.

Di dalam huraiannya mengenai tayammun, Syeikh Ahmad al-Patani menyatakan bahawa di antara sebab-sebab yang terpaksa bertayammun ialah kerana tiada air, sakit dan berhajat kepadanya bagi binatang yang dahaga. Huraiannya

<sup>13</sup> Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani, *Bahjat al-Mubtadin wa Farhat al-Mujtahidin*. (Kuala Lumpur, Khazanah Fathaniyah, 2000), hlm. 10-55.

<sup>14</sup> Menurut Syeikh Ahmad bahawa tiada sah mengangkat hadath dan menghilangkan najis melainkan dengan air mutlak, iaitu air yang tiada mutanajis dan tiada musta'mal, Ibid., hlm. 10.

<sup>15</sup> Iaitu niat, basuh muka, basuh dua tangan hingga ke siku, sapu setengah kulit kepala, basuh dua kaki dan tertib, Ibid., hlm. 11.

<sup>16</sup> Iaitu keluar sesuatu daripada qubul dan dubur kecuali air mani, hilang akal, bersentuh kulit lelaki dan perempuan yang ajnabi dan menyentuh qubul dan dubur dengan tapak tangan. Ibid., hlm. 12.

<sup>17</sup> Ibid., hlm. 12.

diteruskan dengan syarat-syarat<sup>18</sup>, fardhu<sup>19</sup>, sunat<sup>20</sup> dan perkara-perkara yang membatalkan tayammun seperti semua perkara yang membatalkan wudhu', riddah dan hilang uzur.

Mengenai najis, Syeikh Ahmad al-Patani mengatakan bahawa semua binatang itu suci kecuali anjing dan babi. juga keturunan yang lahir antara keduanya atau keturunan yang dihasilkan menerusi kacukan salah satu daripada keduanya (anjing dan babi) dengan binatang yang suci seperti kambing dan sebaginya. Semua bangkai adalah najis kecuali bangkai anak Adam (manusia), ikan dan belalang. Beliau menambahkan bahawa setiap yang keluar dari dua jalan ( dubur dan qubul) itu najis melainkan angin dan batu yang tidak terjadi daripada air kencing<sup>21</sup>.

Masih dalam kitab yang sama, beliau membahagikan najis kepada tiga jenis, iaitu najis mukhafafah, contohnya seperti air kencing kanak-kanak lelaki yang belum sampai umurnya dua tahun dan belum makan apa- apa kecuali susu ibunya sahaja. Najis ini boleh dicucikan hanya sekadar merenjiskan air keatasnya tanpa mengalir. Kedua ialah najis mughalazah, contohnya seperti anjing dan babi, dan najis yang terbit dari keturunan anak daripada kedua atau dari anak kacukan antara salah satu daripada keduanya. Cara menyucinya ialah dibasuh 7 kali termasuk satu kali air mutlak yang

<sup>18</sup> Syarat-syaratnya ialah debu tanah yang suci, menyapu muka dan dua tangan, hilangkan dahulu najis, jakukan selepas masuk waktu dan lakukan tiap-tiap waktu, Ibid., hlm. 13.

<sup>19</sup> Iaitu memindah tanah, niat, menyapu muka, menyapu dua tangan hingga dua siku dan tertib. Ibid., hlm. 13.

<sup>20</sup> Membaca bismillah, mendalulukan kanan dan menipiskan debu. Ibid., hlm. 14.

<sup>21</sup> Syeikh Ahmad al-Patani, *Bahjat al-Muhtadin*, hlm. 13 ; lihat juga Wan Ismail wan Ibrahim, "Penghayatan Ilmu Usuluddin, Fiqh dan Tasawuf : Berdasarkan Tulisan-tulisan Syeikh Ahmad" , (Kertas Kerja Seminar Pemikiran Syeikh Almad bin Mohd. Zain di Kota Bharu, 11-12 September 2002), hlm. 16.

bercampur dengan tanah yang suci. Terakhir najis mutawasithah, iaitu najis yang selain dari najis mukhafafah dan mughalazah. Cara menyucinya najis ini dengan menyiramkan air keatasnya hingga berlari<sup>22</sup>.

Beliau kemudian menerangkan lagi bahawa setiap satu dari ketiga-tiga bahagian najis ini terbahagi lagi kepada najis hukmiah dan najis ainiah. Yang pertama iaitu najis yang tidak terdapat padanya jirim (benda najis), rasa najis dan warnanya. Cara menyucinya ialah seperti mana caranya bagi setiap bahagian yang disebutkan di atas. Manakala yang kedua pula ialah najis yang ada padanya salah satu daripada yang tersebut (jirim, rasa dan warna), maka cara menyucinya ialah menghilangkan jirim terlebih dahulu kemudian diikuti pula dengan menghilangkan sifat-sifatnya ( rasa, warna atau baunya). Dengan itu, jika sekiranya susah untuk dihilangkan warna atau baunya, maka dimaafkan<sup>23</sup>.

Tambah beliau lagi, dimaafkan juga daripada najis yang tidak dapat dilihat oleh mata yang sederhana penglihatannya, daripada darah diri seseorang sekalipun sudah berubah menjadi nanah, samada sedikit atau banyak, kecuali darah yang keluar melalui lubang-lubang seperti telingga, mata, hidung dan darah yang keluar melalui tempatnya. Namun demikian, dimaafkan jika sedikit. Tidak dimaafkan darah-darah yang keluar menerusi tempat najasat dan tempat tahi, seperti ari-ari termasuk darah yang bercampur dengan darah atau najis yang keluar, darah anjing dan babi, samada

---

<sup>22</sup> Ibid., hlm.16.

<sup>23</sup> Syeikh Ahmad al-Patani, **Bahjat al-Mubtadin**, hlm.14. Lihat juga Wan Ismail Wan Ibrahim, Penghayatan, hlm.17.

sedikit mahupun banyak. Tetapi dimaafkan yang sedikit dari yang selain daripada babi dan anjing. Dimaafkan juga daripada darah umpama nyamuk<sup>24</sup>.

Menurut Syeikh Ahmad al-Patani bahawa tiada suci sesuatu najis aini melainkan kulit-kulit bangkai ( selain dari anjing dan babi) apabila disamakkan, dan arak apabila jadi cuka dengan sendirinya. Adapun hukum tentang banyak atau sedikit najis-najis yang tersebut adalah dirujuk kepada arif ( pendapat umum yang mu'tabar)

Di antara ketelitian lain beliau dalam bidang ibadat ialah tentang rukun-rukun sembahyang, di mana beliau menjelaskan rukun sembahyang itu 17 perkara, tidak 13 seperti sering terdapat pada sesetengah kitab fiqh mazhab Syafi'e, iaitu dengan dimasukkan thama'ninah pada empat tempat, iaitu thama'ninah dalam ruku', thama'ninah dalam i'tidal, thama'ninah dalam sujud dan thama'ninah semasa duduk antara dua sujud ke dalam kategori rukun-rukun sembahyang seperti rukun-rukun sembahyang yang lain juga<sup>25</sup>

Tentang solat, Syeikh Ahmad al-Patani menjelaskan kewajipan solat lima waktu sehari semalam bersama rakaat dan batasan waktunya. Beliau kemudian menjelaskan syarat-syarat wajib solat<sup>26</sup>, syarat sah solat<sup>27</sup>, rukun solat, perkara-perkara yang membatalkan solat, perkara-perkara sunat dan makruh dalam solat, dan sekiranya rasa ragu dengan bilangan rakaat dan rukun-rukun wajib yang lain maka hendaklah

<sup>24</sup> Ibid., hlm. 14.

<sup>25</sup> Ibid., hlm. 14-25. Lihat juga Wan Ismail Wan Ibrahim, Penghayatan, hlm. 16.

<sup>26</sup> Syarat-syaratnya ialah Islam, baligh dan berakat. Ibid., hlm. 15.

<sup>27</sup> Iaitu tamyiz, mengetahui masuknya waktu solat, suci daripada hadath kecil dan besar, suci daripada najis pada badan, pakaian dan tempat, menutup aurat, mengadap kiblat, mengetahui keadaan solat itu fardhu, dan tiada diitiqadkan bahawa yang difardhukan itu sunat. Ibid., hlm. 17.

sujud sahwı. Huraianya diteruskan dengan hukum solat jamaah meliputi syarat-syarat sah solat jamaah, syarat-syarat solat jamak dan qasar, solat jumaat dan syarat-syarat sahnya, rukun khutbah, dan solat-solat sunat beserta kelebihannya<sup>28</sup>.

Masih tentang solat, Syeikh Ahmad al-Patani menekankan bahawa solat adalah fardhu bagi setiap orang mukmin, ia dapat mencegah daripada kekejadian, dan tiang agama. Beliau menambahkan lagi bahawa tiada difardhukan Allah kepada seluruh hamba-Nya sesuatu yang terlebih baik dan kasih kepadanya selepas daripada tauhid kecuali solat. Solat itu adalah cahaya bagi orang mukmin dan ia merupakan perniagaan pada hari kiamat. Sekiranya seseorang tidak memelihara solat lima waktunya, maka tidak ada baginya bekalan dan cahaya pada hari kiamat.<sup>29</sup>

Mengenai jenazah, Syeikh Ahmad al-Patani berpendapat bahawa mandi, kafan, solat dan mengebumikan jenazah adalah fardhu kifayah, kecuali syahid mu'rikah tidak mandi dan solat ke atasnya. Bagi kanak-kanak yang gugur jika diketahui hidupnya maka wajib ke atasnya keempat-empat perkara di atas. Sekurang-kurang mandi jenazah adalah meratakan badannya dengan air.<sup>30</sup> Begitu juga dengan kafan sekurang-kurangnya satu lapis yang menutupi seluruh badan baik lelaki maupun perempuan.

Solat atas jenazah adalah tiada ruku' dan sujud. Rukun solat jenazah antaranya empat takbir, niat, berdiri bagi yang kuasa, membaca fatihah, salawat atas Nabi, doa

<sup>28</sup> Syeikh Ahmad al-Patani, **Bahjat al-Mubtadin**, hlm.14-23. Lihat juga Wan Ismail Wan Ibrahim, Penghayatan, hlm.21-22.

<sup>29</sup> Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani, **Basyarat al-Amilin wa Nazarat al-Ghafilin**. (Kuala Lumpur, Khazanah Fathaniyah,1999), hlm.6.

<sup>30</sup> Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani, **Bahjat al-Mubtadin**, hlm.23.

dan terakhir salam. Sekurang-kurang kebumikan jenazah dalam lubang yang menyembunyikan baunya dan memeliharanya daripada binatang dan wajib menghadapkannya ke arah kiblat<sup>31</sup>.

Di dalam bab zakat, Syeikh Ahmad al-Patani menghuraikan bahawa jenis-jenis zakat yang diwajibkan itu banyak, dan setengah daripadanya ialah zakat emas dan perak, zakat perniagaan, tanaman dan zakat fitrah. Adapun hiasan yang diharuskan adalah dikecualikan daripada zakat. Zakat emas, perak dan perniagaan wajib apabila genap memilikinya selama satu tahun. Manakala zakat tanaman wajib pada biji-bijian yang boleh mengenyangkan seperti padi, gandum setelah sampai nisabnya, iaitu tiga ratus gantang.<sup>32</sup>

Mengenai puasa, beliau menjelaskan bahawa wajib puasa pada bulan Ramadhan atas tiap-tiap mukallaf yang kuasa atasnya dan yang suci daripada haidh dan nifas. Fardhu puasa ialah pertama niat pada tiap-tiap hari dan disyaratkan pada malam hari iaitu jika puasa fardhu mulai hilang matahari hingga fajar dan sah niat puasa pada siang hari dengan syarat belum makan apa-apa lagi. Kedua menahan daripada segala makan dan minum mulai daripada fajar hingga lenyap matahari<sup>33</sup>.

Di antara perkara-perkara yang membatalkan puasa ialah sengaja memasukkan sesuatu ke dalam rongga walaupun sedikit, sengaja muntah, melakukan jinak pada siang hari dengan sengaja, keluar mani dengan sengaja, gila walaupun sesaat, pitam

<sup>31</sup> Ibid., hlm.23-25. Lihat juga Wan Ismail Wan Ibrahim, Penghayatan, hlm.24.

<sup>32</sup> Syeikh Ahmad al-Patani, *Bahjat al-Mubtadin*, hlm.25-27 ; lihat juga pengarang yang sama, *Basyarat*, hlm.15.

<sup>33</sup> Syeikh Ahmad al-Patani, *Bahjat al-Mubtadin*, hlm. 27.

(pengsan) daripada fajar hingga jatuh matahari, berbuka dahulu kerana menyangka telah masuk waktunya, murtad, datang haidh, nifas dan beranak<sup>34</sup>.

Manakala perkara sunat selama puasa ialah mandi hadath dahulu sebelum fajar, menta'khirkan sahur, menyegerakan berbuka dengan kurma atau sesuatu yang manis, membanyakkan berdoa terutama ketika berbuka, memperbanyakkan membaca al-Quran dan sedekah.<sup>35</sup> Masih dalam bab puasa, beliau juga menjelaskan hari-hari yang tidak sah puasa dan perkara-perkara yang makruh selama puasa. Begitu juga dengan orang-orang yang diharuskan berbuka seperti sangat tua dan sakit yang tiada harapan untuk sembuh, tetapi dengan syarat kena bayar fidyah tiap-tiap hari secupak dengan tidak perlu qadha. Manakala orang-orang yang diharuskan berbuka tetapi mesti qadha ialah orang musafir, mengandung dan sedang menyusu.<sup>36</sup>

Begitu juga dengan i'tikaf, beliau menjelaskan bahawa ia adalah sunat mu'akad dan tiada sah kecuali di dalam masjid terutama mulai 10 Ramadhan. Di antara perkara-perkara yang membatalkan i'tikaf ialah jimak, mabuk dengan sengaja, murtad (riddah), gila, haidh, nifas dan keluar daripada masjid dengan tiada uzur<sup>37</sup>.

Mengenai haji dan umrah, Syeikh Ahmad al-Patani menyatakan bahawa ia adalah fardhu (wajib) hanya sekali di dalam masa hidupnya atas tiap-tiap mukallaf

<sup>34</sup> Ibid., hlm. 29. Mengenai kelebihan puasa, bulan Ramadhan dan malam Lailatul Qadar lihat juga pengarang yang sama, *Basyarat*, hlm.15-18.

<sup>35</sup> Syeikh Ahmad al-Patani, *Bahjat al-Mubtadin*, hlm.30. Lihat juga pengarang yang sama, *al-Fatawa al-Fathaniyah*, Wan Muhd. Shaghir Abdullah (terj). (Kuala Lumpur, Khazanah Fathaniyah, 1997). hlm.24-25.

<sup>36</sup> Syeikh Ahmad al-Patani, *Bahjat al-Mubtadin*, hlm.30. Lihat juga Wan Ismail Wan Ibrahim, Penghayatan, hlm.23-24.

<sup>37</sup> Syeikh Ahmad al-Patani, *Bahjat al-Mubtadin*, hlm. 31.

yang merdeka dan berkuasa. Sekiranya tidak sempat, maka sah dilakukan oleh ahli warisnya sendiri atau mengupah orang lain untuk melakukannya<sup>38</sup>.

Di antara rukun haji ialah niat, wukuf di Arafah, thawaf, sa'ir antara Safa dan Marwah, bercukur minima tiga urat rambut dan afthal cukur semuanya bagi lelaki dan terakhir tertib. Masih dalam bab haji dan umrah huraiannya diteruskan dengan rukun umrah, wajib haji, wajib umrah, perkara-perkara sunat semasa melakukan haji, perkara-perkara yang diharamkan semasa haji, syarat-syarat thawaf, syarat sair dan syarat syarat melontar<sup>39</sup>

Dalam bab sembelihan dan makanan, Syeikh Ahmad Al-Fatani menyatakan bahawa selain ikan dan belalang, semua binatang tiada halal dimakan kecuali setelah disembelih dengan memutuskan halkum iaitu saluran nafas dan merih iaitu saluran makanan dengan tiap-tiap yang tajam selain daripada tulang, gigi dan kuku. Namun demikian, syarat orang yang menyembelih itu hendaklah muslim atau ahli kitab yang asal dan binatang itu yang dalam keadaan hidup dan halal dimakan.<sup>40</sup>

### **Peranan Dan Sumbangannya Dalam Fiqh Mu'amalat**

Dalam bab mu'amalat terutama bab jual beli, beliau menjelaskan bahawa rukun jual beli ada tiga perkara iaitu pertama dua orang yang berakad dan disyaratkan pada kedua-duanya mukallaf, maka tidak sah akad kanak-kanak, orang gila dan secara

<sup>38</sup> Syeikh Ahmad al-Patani, **Bahjat al-Mubtadin**, hlm.31-40. Mengenai kelebihan haji, umrah dan keburukan meninggalkannya lihat pengarang yang sama, **Basyarat al-Amilin**, hlm.19-22.

<sup>39</sup> Ibid., hlm.31-38.

<sup>40</sup> Ibid., hlm. 40-41.

paksa. Syarat yang kedua ialah ikhtiar (pilihan sendiri), maka tidak sah berakad daripada orang yang dipaksa berakad. Dan syaratnya yang ketiga ialah Islam orang yang membeli atau wakilnya pada membeli barang yang tersurat di dalamnya al-Quran meskipun satu ayat, atau kitab-kitab syar'e atau sebagainya, dan disyaratkan lagi pada pembeli alat perang hendaknya bukan kafir harbi<sup>41</sup>.

Rukun yang kedua ialah ma'kud alaih iaitu sesuatu yang diakad ke atasnya (barang jualan) mempunyai lima syarat. Syarat pertama hendaklah ianya suci zatnya dan memberi manfaat. Maka tidak sah menjual dua biji beras umpamanya,dadah dan racun kecuali jika memberi manfaat. Namun begitu haram mengambil harta orang lain tanpa izin tuannya dan sesuatu yang hilang<sup>42</sup>. Dan jadi kafir orang yang menghalalkan pengambilan tersebut. Syarat yang kedua ialah berkuasa atas barang jualan melalui pemilikan atau sebagainya, maka dengan itu tidak sah jual beli harta orang lain tanpa izinnya. Syarat ketiga ialah mampu menyerah barang jualan itu, oleh itu tidak sah jual barang yang telah hilang. Syarat yang keempat ialah hendaklah mengetahui akan barang jualan itu, maka tidak sah jual salah satu dari dua barang ( kerana tiada dimaklumkan barang jualannya). Dan syarat terakhir ialah hendaklah melihat oleh dua orang yang berakad itu akan barang yang hendak dijual beli itu. Dan tidak sah jual beli barang yang tidak dilihat oleh kedua-duanya (pembeli dan penjual)<sup>43</sup>.

Rukun yang ketiga ialah sighah (lafaz ijab dan qabul) dan disyaratkan padanya

---

<sup>41</sup> Sycikh Ahmad al-Patani, **Bahjat al-Mubtadin**, hlm.42 ; lihat juga Wan Ismail Wan Ibrahim, Penghayatan, hlm.18

<sup>42</sup> Ibid., hlm. 42-43.

<sup>43</sup> Ibid., hlm. 43 ; lihat juga Wan Ismail Wan Ibrahim, Penghayatan, hlm.19.

perkataan yang menunjukkan atas ijab dan qabul seperti kata yang menjual “aku jualkan dikau...” dan yang membeli menjawab “aku belikan...” dengan ketiadaan menyelangi tempoh masa yang panjang atau perkataan lain walaupun sedikit<sup>44</sup>.

Sah jual beli dengan menggunakan kata-kata kinayah (kiasan/samar-samar) pada lafaz ijab dan qabul seperti berkata, “ambilah barang ini” dan sebagainya. Tetapi tidak sah jual beli menerusi mu’athah (tunjuk tanpa berakad), walau bagaimanapun Imam al-Nawawi dan kesimpulan ulama mutaqaddimin (ulama dahulu) memilih dan sah jual beli dengan kata-kata atau ucapan-ucapan yang dikira jual beli menurut pandangan arif (pandangan umum syar’e).<sup>45</sup>

Huraiannya diteruskan dengan pengharaman riba, kanak-kanak, orang gila dan hamba yang tidak diizinkan baginya bermiaga, pengharaman penipuan dalam jual beli, melafazkan jual beli dahulu daripada menerima barangnya, berhutang dan gadaian. Harus memaafkan iaitu memindah hak daripada seseorang kepada seseorang yang lain, sewa dan upah dan terakhir tentang wasiat<sup>46</sup>

Dalam bab fara’id, beliau menjelaskan bahawa orang-orang yang berhak mendapat pusaka atau harta warisan seperti anak lelaki, bapa dan sebagainya. Manakala orang yang tidak berhak menerima ialah seperti hamba, pembunuhan, murtad

<sup>44</sup> Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani, **Bahjat al-Mubtadin**, hlm. 43. Lihat juga pengarang yang sama, **al-Fatawa**, hlm.30-36.

<sup>45</sup> Syeikh Ahmad al-Patani, **Bahjat al-Mubtadin**, hlm. 42 ; lihat juga Wan Ismail Wan Ibrahim, **Penghayatan**, hlm.19.

<sup>46</sup> Ibid., hlm. 44-48. Tentang keburukan orang yang makan riba, mencuri, mengurangkan sukatana pada timbangan dan sebagainya dapat semak pada pengarang yang sama dalam **Basyarat al-Amilin**, hlm.25-28.

dan ahli dua agama.<sup>47</sup>

### **Peranan Dan Sumbangannya Dalam Fiqh Munakahat**

Mengenai bab nikah, beliau menyatakan bahawa disunatkan bagi mereka yang mampu dan berhajat kepadanya dan disunatkan juga bagi tiap-tiap lelaki melihat (menilik) perempuan yang mempunyai qasad (niat) hendak berkahwin dengannya. Batasan yang boleh dilihat ialah aurat dalam solat seperti muka dan dua tangan perempuan yang merdeka dan lain daripada barang yang antara pusat dan lutut bagi hamba perempuan. Adapun bagi yang sengaja melihat tanpa niat hendak kahwin dan hajat yang mengharuskan, maka hukumnya adalah haram.<sup>48</sup>

Segala rukun nikah itu empat iaitu sighah (lafaz) ijab dan qabul dengan syarat ketiadaan panjang jarak masa (perceraian) antara keduanya. Kedua suami dan isteri dengan syarat pada lelaki mengetahui bahawa perempuan itu belum nikah atau dalam idah. Ketiga wali iaitu bapa, datuk, saudara lelaki seibu seapa, saudara lelaki seapa, anak saudara lelaki seibu seapa dan sebagainya. Terakhir dua orang saksi lelaki yang merdeka, adil, boleh melihat, mendengar dan mengerti.<sup>49</sup> Disunatkan sebut maskahwin dalam akad dan sunat juga membuat walimah.

---

<sup>47</sup> Syeikh Ahmad bin Muhamad Zain al-Patani, **Bahjat al-Mubtadin**, hlm. 48-50. Lihat pengarang yang sama, **al-Fatawa**, hlm.56-59. Mengenai hak suami-isteri dapat lihat juga pada pengarang yang sama dalam **Basyarat al-Amilin**, hlm.43-49.

<sup>48</sup> Syeikh Ahmad bin Muhamad Zain al-Patani, **Bahjat al-Muhtadin**, hlm. 52. Lihat juga pengarang yang sama, **al-Fatawa**, hlm.74-101.

<sup>49</sup> Syeikh Ahmad al-Patani, **Bahjat al-Mubtadin**, hlm.53.

Huraiannya diteruskan dengan orang-orang yang diharamkan kahwin, wajib berlaku adil terhadap semua isteri-isteri sekiranya kahwin lebih daripada satu, jatuh talak, sah khala', apabila mentalak yang merdeka dua talak manakala hamba satu talak, wajib beridah atas yang mati suami dan yang diceraikan, dan kewajipan-kewajipan bagi suami memberi nafkah dan sebagainya selama dalam idah<sup>50</sup>.

Beliau selanjutnya menjelaskan lagi bahawa idah perempuan yang merdeka yang kematian suaminya, tetapi mengandung, ialah dengan kelahiran anaknya dan yang tidak mengandung empat bulan sepuluh hari idahnya. Adapun idah perempuan yang bercerai hidup (tanpa kematian suami) dalam keadaan mengandung ialah dengan kelahiran anak, dan yang tidak mengandung dan ianya dari kalangan wanita yang masih datang haidh, maka idahnya tiga bulan suci.<sup>51</sup>

Manakala idah perempuan yang bercerai hidup, tetapi ia masih kanak-kanak atau ia sudah dewasa yang tidak pernah datang haidh ataupun sudah putus haidh, ialah tiga bulan sahaja. Begitu juga dengan idah perempuan yang berpisah hidup, tetapi mengandung ialah kelahiran anaknya dan yang kematian suaminya tetapi tidak mengandung ialah dua bulan lima hari. Dan terakhir ialah idah hamba perempuan yang bercerai hidup dan ianya masih datang haidh, ialah dua kali suci, dan sebaliknya kalau ia tidak mempunyai haidh, maka idahnya ialah sebulan setengah sahaja

---

<sup>50</sup> Ibid., hlm. 56.

<sup>51</sup> Wan Ismail Wan Ibrahim, Penghayatan, hlm. 19.

## Kupasan Tentang Isu-isu Semasa Ilmu Fiqh

Berdasarkan kepada karyanya al-Fatawa al-Fathaniyah, penghayatan Syeikh Ahmad al-Patani dalam fiqh begitu mendalam sehingga beliau mampu menjawab soalan-soalan yang telah dikemukakan dan memberi fatwa-fatwa yang menarik yang ada kaitan dengan isu-isu semasa agama, serta dikuatkan pula dengan pelbagai hujah.

Di antaranya ialah huraian Syeikh Ahmad al-Patani tentang menggunakan perkataan “usalli” semasa hendak takbiratul al-iham dalam sembahyang, tidak digunakan kalimah-kalimah lain, seperti “a’bud” atau “ad’u” kerana menurut istilah bahawa usalli ini berasal dari “solat” dan solat itu pula pada bahasanya ialah doa atau bersamaan diantara makna doa ta’zim, rahmat dan berkat. Manakala maknanya menurut istilah syara’ ialah perbuatan-perbuatan dan perkataan-perkataan yang dimulai dengan takbiratul al-iham dan berakhir dengan taslim (salam). Beliau menambahkan bahawa hal ini berdasarkan nas dalam al-misbah al-munir yang artinya “dinamakan solat dengan perbuatan-perbuatan yang masyhur itu kerana merangkumi perbuatan-perbuatan tersebut akan doa”. Dan yang dimaksudkan dengan perbuatan menurut misbah al-munir ialah perbuatan anggota badan, lidah dan hati.<sup>52</sup>

Menurut Syeikh Ahmad al-Patani, bahawa kesimpulannya tidak digunakan perkataan “a’bud” atau ad’u pada lafaz niat takbiratu al-iham adalah disebabkan arti solat pada syara’ yang disebutkan dengan usalli itu ialah perbuatan dan perkataan itu

---

<sup>52</sup> Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani, *Al-Fatawal Fathaniyah*. Wan Mohd. Shaghir Abdullah (terj.).( Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyah, 1996), hlm.82-84 ; lihat juga Wan Ismail Wan Ibrahim, Penghayatan, hlm.20.

sendiri yang bermula dengan takbiratu al-ihram dan disudahi dengan salam, bukan artinya solat itu pada syara' ialah ibadat, walaupun ada pada sesetengah perbuatan dan perkataan itu makna ibadat. Dan tidak pula artinya solat itu pada syara' ialah doa, walaupun ada maknanya pada lughah (bahasa) ialah doa, kerana tujuan orang yang berucap dengan usalli ketika ia hendak masuk ke dalam pekerjaan itu ialah maknanya menurut syara', bukan menurut bahasa (lughawi).<sup>53</sup>

Kupasan beliau yang berikutnya ialah tentang solat Jumaat. Menurut Syeikh Ahmad bahawa tidak sah solat zohor daripada ahli Jumaat yang tidak cukup 40 orang, kalau mereka bersembahyang sebelum akhir waktu yang tidak sempat padanya dua khutbah dan dua rakaat sembahyang Jumaat. Beliau sebaliknya berpendapat bahawa apabila sampai akhir waktu yang sempat padanya dua khutbah dan dua rakaat sembahyang dan bilangan ahli Jumaat telah pun genap 40 orang, maka wajib ke atas mereka solat Jumaat.<sup>54</sup>

Ini berdasarkan kitab **Fathu al-Jawad** dan **Tahfat**. Di dalam **Tahfat** artinya ialah jika tidak berjumaat ahli negeri itu, nescaya tidak sah mereka bersembahyang zohor sehingga sampai kepada waktu yang sempat padanya membaca dua khutbah dan solat Jumaat. Tetapi sebaliknya kalau sudah sempat waktunya daripada dua khutbah

---

<sup>53</sup> Menurut Syeikh Ahmad al-Patani, walau bagaimanapun munurut keterangan ulama di dalam buku-buku fiqli mereka bahawa untuk mendapat pahala sunat berlafaz dengan takbiratul ihram itu tidak disyaratkan juga pada sah berniat itu ditentukan dengan "aku sembahyang", malahan bolch diucap dengan "aku menunaikan fardhu zohor" dan seumpamanya. Lihat **al-Fatawa**, hlm. 82. Lihat juga Wan Ismail Wan Ibrahim, **Penghayatan**, hlm. 21.

<sup>54</sup> Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani, **al-Fatawa**, hlm. 100 - 117.

dan solat Juinaat atau ragu pada yang demikian itu, maka wajib ke atas mereka solat zohor seperti mana dijelaskan dalam kitab-kitab mazhab fiqh.<sup>55</sup>

Berikutnya adalah mengenai hukum seseorang yang makan babi atau anjing. Menurut Syeikh Ahmad bahawa tidak dihukum najis sesuatu yang disentuh oleh orang yang kita lihatnya makan babi atau anjing apabila ia menghilangkan diri daripada kita selepas itu (selepas makan babi atau anjing) dalam jangka masa yang lama (kira-kira sempat mengambil air untuk menyucinya), kemudian kembali semula makan bersama kita dan menggunakan tangannya (mencelup) ke dalam bekas air kita. Ini kerana asalnya suci sesuatu yang disentuh itu ( istishab al-asal), tetapi dihukum mutanajis orang itu, kerana asalnya mutanajis (istishab al-asal).<sup>56</sup>

Ini disyaratkan bahawa orang tersebut tidak boleh ditanya samada ia telah bersuci atau belum, seperti ianya telah mati atau bisu yang tidak faham isyaratnya, atau gila selepas itu. Hal ini adalah bandingannya seperti seekor binatang yang memakan najis, kemudian ianya hilang dalam masa yang kira-kira boleh sampai kepada air yang banyak dan terus meminumnya, kemudian ia datang kepada sesuatu tempat dan terus menyentuh sesuatu yang ada di situ dengan mulutnya, maka dihukum suci benda yang disentuh oleh binatang itu dan mutanajis mulutnya.<sup>57</sup>

Hal ini mengikut apa yang telah dinaskan (ditetapkan) oleh fuqaha, dan sebaliknya kalau orang tersebut boleh ditanya samada ia telah bersuci daripada najis

---

<sup>55</sup> Ibid., hlm.108-109. Lihat juga Wan Ismail Wan Ibrahim, Penghayatan, hlm.22.

<sup>56</sup> Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani, al-Fatawal, hlm. 75 -79.

<sup>57</sup> Ibid., hlm.79.

itu atau belum sedangkan ianya daripada orang yang mukallaf serta adil (maqbul al-riwayat) sekalipun dia seorang perempuan atau hamba atau ianya bukan daripada orang yang maqbul al-riwayat, tetapi orang yang bertanya itu pada kebiasaanya ia percaya dengan pemberitahuannya (orang tersebut).

Dalam hal ini Syeikh Ahmad berpendapat boleh dihukum seperti orang yang boleh ditanya juga, atau dibeku hukumnya sehingga ada kenyataannya. Walau bagaimanapun, apa yang lebih baiknya ialah hendak ditanya kerana kuasa bertanya itu tidak susah (musyaaqqah) ke atas perkara yang membawa kepada pengetahuan yang hampir-hampir yakin atau kepada keyakinan yang jazam (yang putus) iaitu bertanya itu boleh membawa kepada pemberitahuannya (mengkhabarnya), kerana pemberitahuan orang yang adil itu menepati pada tempat yakin seperti dijelaskan oleh ibn Qasim dalam Hasyiyah Tahpatu al-Muhtaj.<sup>58</sup>

Dalam kaitan dengan qadha solat, Syeikh Ahmad berpendapat bahawa jangan berniat qadha atau tunai pada solat seseorang yang ia ragu sebelumnya (sebelum solat) samada waktu solat telah habis atau belum, kerana kedua-duanya (niat qadha atau tunai) itu sunat sahaja. Dengan itu kalau jatuh solat itu dalam waktu maka jadi tunai, tetapi kalau di luar waktu, maka jadi qadha. Al-Imam Syabramalsi berpendapat, jika ia niat qadha atau tunai serta ragu, maka yang lebih bagusnya dihukum sah solat tersebut.

---

<sup>58</sup> Ibid., hlm.79. Lihat juga Wan Ismail Wan Ibrahim, Penghayatan, hlm.22-23.

Dan ihtimal ada menjelaskan, iaitu sah solat kalau ia niat tunai dan tidak sah kalau berniat qadha.<sup>59</sup>

Selain masalah-masalah di atas, Syeikh Ahmad juga mampu menjawab dan mengeluarkan fatwa berhubung dengan puasa Ramadhan dan berbukanya dengan berpandu kepada hisab. Beliau mengemukakan beberapa fatwa ulama. Di antaranya ialah menurut al-Syeikh ibn al-Solah dan jamhur ulama bahawa tidak harus sama sekali berpuasa dan berbukanya dengan berpandu kepada hisab. Pendapat ini disokong oleh ibn Qasim pada Fathu al-Ghafar.

Manakala menurut al-Imam al-Nawawi dalam majmu'nya dan Syeikh ibn Hajar dalam Tahfatu al-Muhtaj bahawa harus menggunakan hisab untuk diri sendiri, tetapi tidak memadai pada bulan ramadhan. Di sisi lain al-Imam Ramli berpendapat harus beramal dengan hisab untuk diri dan memadai juga untuk puasa Ramadhan dan berbukanya. Adapun taqlid kepada hisab orang lain pada puasa Ramadhan dan berbukanya, maka tidak harus menurut ibn Hajar dan Imam Nawawi dan harus pada sesetengah ulama yang lain.<sup>60</sup>

Mengenai posisi mayat, jawapan dan fatwa Syeikh Ahmad bahawa posisi kepala mayat lelaki atau perempuan waktu hendak solatnya adalah berdasarkan perbuatan Rasulullah S.A.W., iaitu sunat bagi imam solat untuk mayat lelaki berdiri berdekatan kepalanya, dan bagi imam solat untuk mayat perempuan berdekatan tempat

---

<sup>59</sup> Syeikh Alunad bin Muhammad Zain al-Patani, *al-Fatawa*, hlm. 81-82. Lihat juga Wan Ismail Wan Ibrahim, *Penghayatan*, hlm. 23.

<sup>60</sup> Syeikh Alunad bin Muhammad Zain al-Patani, *al-Fatawa* hlm.24-25.

sebelah bawah sedikit daripada pinggangnya. Hal ini telah dijelaskan di dalam manhaj dan syarahnya tafsir al-Muhtaj<sup>61</sup>.

Kemudian para ulama berpendapat bahawa kedudukan mayat dari sebelah kanan imam lebih afdhal (baik) dari sebelah kirinya. Dilihat kepada pendapat ini, bahawa afdhal diletakkan kepala mayat lelaki di sebelah kiri orang solat supaya yang terbanyak badannya kepada kanan imam. Dan diletakkan kepala mayat perempuan pula ke sebelah kanan orang yang solat supaya jadilah kebanyakan badannya kepada sebelah kanan imam. Menurut Syeikh Ahmad bahawa ini diambil dari fatwa Imam Syabramalasi daripada ibn Qasim di dalam Hasyiyah Nahayatu al-Muhtaj.<sup>62</sup>

Berhubung dengan soalan yang telah dikemukakan tentang air wangi yang diimport dari negara barat apakah hukumnya boleh digunakan oleh umat Islam sebagai pewangi atau tidak. Dalam hal ini sebelum membuat sebarang jawapan atau sebarang fatwa Syeikh Ahmad menarik perhatian umum terhadap proses membuat air wangi ini dengan berdasarkan kepada kenyataan kitab Muntaha al-Manafi'u fi Anwa'u al-Sana'e karya Rasid Afandi Ghazi al-Damasyqi, iaitu ada dua cara pemerosesannya. Pertama satu kati dua tahil bunga wangi dicampur dengan air selama 24 jam, kemudian dikukus dengan api yang sederhana panasnya dengan menggunakan alat pengukus yang disediakan sehingga keluar wapnya sebanyak dua kati. Langkah yang kedua ialah diproseskannya melalui campuran dua bahagian minyak wangi,

---

<sup>61</sup> Ibid., hlm. 1-3.

<sup>62</sup> Ibid., hlm. 2-3. Lihat juga Wan Ismail Wan Ibrahim, Penghayatan, hlm. 24.

sebahagian dari jauhar kahraba' (batu elektrik), dua bahagian dari air kulunia dan 40 dari sepirit (sibirtu) yang bersih.<sup>63</sup>

Pada cara pertama termasuk al-kahwal ( pati arak) dan pada cara yang kedua masuk asbirtu dan kedua-dua ( al-kahwal dan sibirtu) adalah benda yang satu, kerana salah satu dari kedua-dua benda ini boleh ditafsirkan dengan yang satu lagi. Seperti mana yang dilihat oleh Syeikh Ahmad, pada setengah daripada beberapa tempat kitab tersebut ( Muntaha al-Manafi'u fi anwa' al-Sana'e). Kemudian hasil percampuran (kimia) kedua benda tersebut dikatakan ruh al-khamar (pati arak) menurut maklumat (khabar) yang mutawatir dan yang termasyhur.<sup>64</sup>

Menurut Syeikh Ahmad lagi bahawa beliau telah banyak kali melihat dan meneliti masalah ini (proses air wangi ) di dalam kitab al-Dar al-Maknun fi al-Sana'e wa al-fanun. Untuk lebih menguatkan (tahqiq) dan berwaspada (ahtiat) Syeikh Ahmad sekali lagi ingin merujuk kembali kitab tersebut, tetapi sayangnya kitab itu sudah tidak ada lagi dalam simpanannya.<sup>65</sup>

Walau bagaimanapun, hasil daripada penelitian beliau di dalam kitab itu boleh dirumuskan bahawa pertama, kebanyakan sabun mandi yang diimport dari negara barat itu adalah diproses dari lemak babi. Kedua bahawa al-kahwal yang juga sibirtu (spirit) itu daripada arak, dan seperti yang orang-orang Islam semua maklum bahawa arak itu najis, maka berdasarkan kepada inilah air wangi yang diproses dengan salah

<sup>63</sup> Ibid., hlm. 73-74. Lihat juga Wan Ismail Wan Ibrahim, Penghayatan, hlm.25.

<sup>64</sup> Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani, al-Fatawa, hlm. 74.

<sup>65</sup> Ibid., hlm. 74.

satu dari dua cara itu najis. Oleh itu, tidak harus digunakan dalam apa jua keadaan sekalipun. Adalah menjadi kewajipan dan tanggungjawab ke atas sesiapa sahaja yang mengetahui (alim) tentang pengharaman menggunakan air wangi itu, terutamanya pihak yang bertanggungjawab terhadap orang ramai membuat pengumuman secara terbuka, serta diikuti dengan amaran terhadap mereka, agar mereka menjauhi daripada menggunakan pewangi tersebut, kerana terdapat padanya beberapa perkara yang boleh merosakkan.<sup>66</sup>

Berhubung dengan soal harta pencarian antara suami isteri, di mana telah menjadi lumrah khususnya umat Islam di Patani dan Kelantan, apabila meninggal dunia salah seorang dari suami isteri, harta tersebut dibahagikan kepada dua bahagian. Sebahagian untuk yang masih hidup, manakala sebahagian lagi untuk ahli waris (termasuk yang mendapat bahagian pencarian ini). Dalam hal ini, Syeikh Ahmad dapat menyelesaiannya sebagai berikut. *Pertama* jika harta tersebut adalah hasil daripada pencarian bersama, iaitu bersamaan kadar di antara suami isteri, maka boleh dibahagi kepada dua sebelum membuat pembahagian pusaka dan pembahagian itu adalah benar. Pembahagian itu ialah sebahagian kepada yang hidup dan sebahagian lagi untuk pewaris.<sup>67</sup>

Langkah *kedua*, sekiranya tidak diketahui pencarian keduanya atau diketahui tetapi tidak mengetahui kadarnya (ini tidak termasuk layanan isteri seperti memasak

---

<sup>66</sup> Ibid., hlm.25.

<sup>67</sup> Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Patani, *al-Fatawa*, hlm. 53. Lihat juga huraian Wan Ismail Wan Ibrahim, *Penghayatan*, hlm.27.

dan sebagainya) iaitu seperti tidak yakin persamaan kadar kerja keduanya, kemudian terus dibahagi harta itu kepada dua bahagian tanpa saling persetujuan dikalangan waris (pewarisnya) terhadap yang lebih kurang itu, maka pembahagian itu dianggap tidak sah<sup>68</sup>.

Dan sebaliknya kalau mendapat keredhaan daripada mereka, maka sahlah pembahagian itu dengan syarat tidak ada di kalangan pewaris itu orang yang tidak boleh dikira pada redhanya seperti kanak-kanak, orang gila, orang yang diisyiharkan bengkrup(muflis) atau orang yang ditahan daripada menguasai harta kerana bodoh dan sebagainya. Tetapi jika ada orang-orang ini di kalangan mereka (waris), maka tidak sah pembahagiannya.<sup>69</sup>

• Fatwa berikutnya adalah mengenai rumah seseorang muslim yang disewa kepada orang bukan Islam yang dijadikan kedai menjual barang-barang yang halal seperti kain baju atau yang tidak halal pada syara' seperti arak, atau tempat berjudi dan sebagainya. Kadangkala disimpan juga dalam rumah itu berhala untuk disembah dan sebagainya seperti yang berlaku di kalangan masyarakat Cina. Dalam hal ini menurut Syeikh Ahmad bahawa jika penyewa itu mengetahui atau menyangka (zan) bahawa yang menyewa itu melakukan maksiat dalam rumah itu, maka adalah sewanya dianggap tidak sah. Ini termasuk samada yang menyewa itu muslim atau kafir, walaupun kafir harbi, kerana perbuatan seperti itu menolong kepada jalan maksiat

<sup>68</sup> Syeikh Ahmad bin Muhammed Zain al-Patani, *al-Fatawa*, hlm. 56-71. Lihat juga penjelasan Wan Ismail Wan Ibrahim, Penghayatan, hlm.27.

<sup>69</sup> Syeikh Ahmad al-Patani, *al-Fatawa*, hlm.56-58. Selanjutnya lihat huraian Wan Ismail Wan Ibrahim, Penghayatan, hlm.28.

yang tidak ada apa-apa keperluan kepada kita sebagai umat Islam. Ibn Hajar ada menjelaskan dalam fatwanya bahawa jika seseorang muslim yang menunjukkan jalan kepada orang katir ke rumah berhala adalah dosa besar.<sup>70</sup>

Syeikh Ahmad menambahkan lagi bahawa tidak sah menyewakan dalam bentuk tersebut kerana di antara syarat-syarat sewaan ialah tidak dimanfaatkan (digunakan) barang yang disewa itu kepada maksiat. Ini adalah yang diterangkan oleh fuqaha bahawa tidak sah sewaan untuk memindah (menyimpan) arak dari satu tempat kepada tempat yang lain. Tidak sah juga sewaan hamba perempuan untuk melakukan maksiat dan sebagainya.<sup>71</sup>

Di antara jalan penyelesaian untuk membolehkan sewaan kedai tersebut ialah dengan membuat perjanjian di antara penyewa dan yang menyewa di hadapan beberapa saksi dan sebaik-baiknya di hadapan hakim. Diantara butir-butir perjanjian ialah yang pertama pihak yang menyewa tidak dibenarkan menyimpan atau menjual barang-barang yang ditegah oleh syara' di dalamnya seperti arak, alat-alat perjudian dan sebagainya. Yang kedua pihak yang menyewa juga tidak dibenarkan menyimpan berhala untuk disembah atau lainnya dalam kedai tersebut. Apabila pihak yang menyewa bersetuju dengan perjanjian tersebut serta dipercayai bahawa ia tidak

---

<sup>70</sup> Syeikh Ahmad al-Patani, *al-Fatawa*, hlm.48-49. Lihat jugauraian Wan Ismail Wan Ibrahim, Penghayatan, hlm.28.

<sup>71</sup> Ibid., hlm.28.

melanggar perjanjian, maka haruslah disewa kepadanya.<sup>72</sup>

---

<sup>72</sup> Ibid., hlm. 28